

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 16/11/2017
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

MACCOPS 2017 Sasar Jualan AS\$50 Juta



PETALING JAYA, 15 Nov (Bernama) -- Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (MACCOPS) 2017 yang bermula hari ini menyasarkan jualan sebanyak AS\$50 juta sekali gus diharap dapat menjadikan Malaysia sebagai pemain global dalam industri ini.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata penganjuran karnival ini sebagai langkah Angkasa mempromosi produk dan perkhidmatan koperasi di Malaysia ke peringkat global

kerana ia diadakan serentak dengan Persidangan Global dan Perhimpunan Agung Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) yang dihadiri delegasi dari seluruh dunia.

"Melalui MACCOPS 2017, gerakan koperasi diharap dapat ditransformasi supaya menjadi sektor yang lebih berdaya saing melalui perkongsian idea dan pengalaman serta meningkatkan jaringan perniagaan itu di peringkat global," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian MACCOPS 2017 yang disempurnakan oleh Presiden ICA Monique F. Leroux di sini hari ini.

Mengangkat tema 'Kesamaan Dalam Kepelbagaian', karnival lima hari ini adalah hasil kerjasama Angkasa dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bersama Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Antara yang turut menyertai adalah sektor pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan, komuniti, teknologi dan inovasi, perladangan, pertanian dan industri asas tani, borong dan runcit, kewangan dan pembangunan hartanah dari dalam dan luar negara.

-- BERNAMA